

Headline	Putrajaya bandar dalam taman yang sempurna		
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)		
Date	05 Nov 2013	Color	Black/white
Section	Semasa	Circulation	22,425
Page No	18	Readership	134,550
Language	Malay	ArticleSize	162 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 324
Frequency	Daily	PR Value	RM 972



Putrajaya bandar dalam taman yang sempurna

PUTRAJAYA: Setiap kali mereka yang mengunjungi Putrajaya pasti akan menyedari bahawa bandar nadi pentadbiran negara itu kian pesat dibangunkan dalam suasana 'Bandar Dalam Taman' yang penuh dengan kehijauan.

Meskipun pada awal pembukaannya lebih 10 tahun lepas bandar itu agak tandus, ia kini jelas menonjolkan bandar hijau dengan ekosistem penempatan manusia dan ekologi yang seimbang.

Secara tidak langsung Putrajaya adalah contoh baik kejayaan usaha transformasi kawasan hijau dan taman awam negara, menjadikan aspek pentadbiran dan pengurusan kawasan hijau ini wajar dicontohi oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) lain.

Ini juga bermakna Perbadanan Putrajaya (PPJ) sebagai PBT yang menguruskan bandar itu, sebenarnya menanggung tugas yang dikira berat dalam memastikan setiap komponen landskap

hijau bandar itu diberi keutamaan dalam setiap sudut pembangunan Putrajaya demi mengimbangi kualiti, gaya hidup dan kesejahteraan rakyat.

Demi mencapai objektif itu, Putrajaya menyediakan pelbagai program bulanan seperti Program Alami Satu Putrajaya (ALIP), Program Kayuhan Ceria dan Program Jalan Kaki Langkah Ceria sebagai usaha menggalakkan riadah dalam kalangan penduduk sekaligus menghidupkan Putrajaya.

Menurut Presiden PPJ, Tan Sri Dr Aseh Che Mat, mereka turut mengusahakan Program Penghijauan iaitu menanam lebih banyak pokok dan menyokong program kesedaran awam mengenai peranan dan kepentingan kawasan hijau di samping Program Pembungaan dengan menanam lebih banyak bunga pelbagai warna bagi meningkatkan keceriaan.

Apapun, PPJ melakukan usaha inovasi terkini yang amat menarik iaitu menggunakan modal insan bermaklumat tinggi

dalam bidang sains dan teknologi alam semulajadi dalam perancangan pengurusan kawasan hijau Putrajaya.

Pihak berkuasa itu juga membangunkan Sistem Inventori dan Pengurusan Pokok (SIPP) bersama dengan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) bagi mengurus aset hidup tumbuhan Putrajaya.

"Sistem itu siap Ogos lepas dan diharap dapat dimanfaatkan sepenuhnya serta dikongsi dengan pihak lain yang terlibat dalam pengurusan kawasan hijau di Malaysia," jelas beliau dan menambah kata bahawa FRIM akan berfungsi sebagai pelaksana SIPP.

Projek perintis itu dijangka membantu meningkatkan kualiti landskap dan pendidikan alam sekitar di Putrajaya menerusi kerjasama yang meliputi aspek botani, biodiversiti, pengurusan hutan bandar mapan, penyelenggaraan landskap dan pelbagai aspek lain berkaitan alam semulajadi. -Bernama